

HASiL/2026/04/27 – 25

## HASiL KESAN RM3.5 BILION PENDAPATAN TIDAK LAPOR BERDASARKAN SEMAKAN DATA E-INVOIS

**CYBERJAYA, 27 APRIL 2026** – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) terus komited dalam memperkukuh tahap pematuhan cukai negara melalui pelaksanaan e-Invois yang berteraskan ketelusan serta kecekapan pelaporan transaksi perniagaan yang diyakini, selaras dengan usaha menyokong pembangunan ekonomi yang mampan.

Dalam memastikan tahap pematuhan yang berterusan, HASiL telah mengesan ketidakpatuhan pembayar cukai melalui semakan data e-Invois dan seterusnya mengeluarkan peringatan (*nudging*) sebagai usaha menggalakkan pembayar cukai membuat pengakuan secara sukarela sekiranya terdapat sebarang ketidakpatuhan atau kesilapan dalam maklumat percukaian mereka.

Hasil daripada pendekatan *nudging* ini, seramai **38,906 pembayar cukai** telah mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) dan melaporkan **pendapatan berjumlah RM3.5 bilion**, yang melibatkan **RM760.7 juta cukai kena dibayar**.

Bagi pembayar cukai yang masih belum mengemukakan BNCP, HASiL akan mengambil tindakan lanjut melalui tindakan audit dan penguatkuasaan. Sehubungan dengan itu, HASiL menyeru semua pihak untuk menunaikan tanggungjawab cukai masing-masing dengan melapor pendapatan dan membayar cukai dengan sewajarnya.

Sejak pelaksanaan e-Invois bermula pada 1 Ogos 2024, sebanyak 225,604 pembayar cukai telah mengemukakan e-Invois yang melibatkan pengeluaran 1.299 bilion e-Invois secara keseluruhan. Perkembangan ini membuktikan sokongan positif daripada pembayar cukai terhadap langkah pendigitalan dalam operasi perniagaan dan pengurusan rekod yang lebih teratur.

Bagi memperkukuh pematuhan pelaksanaan e-Invois oleh pembayar cukai, HASiL turut melaksanakan **Operasi Semakan Pematuhan e-Invois Peringkat Nasional 2026** secara serentak di seluruh negara dari 20 hingga 24 April 2026. Seramai **108 pembayar cukai telah dikenal pasti masih gagal melaksanakan e-Invois di bawah Fasa 1 dan Fasa 2** untuk diambil tindakan dalam operasi ini. Pendekatan yang dilaksanakan merangkumi lawatan premis, semakan rekod e-Invois, temu bual serta penilaian sistem e-Invois yang digunakan bagi memastikan pematuhan yang menyeluruh.

Operasi ini dilaksanakan secara holistik dengan gabungan pendekatan penguatkuasaan dan pendidikan, sejajar dengan aspirasi HASiL untuk bukan sahaja memastikan pematuhan undang-undang, tetapi juga memberi bimbingan serta meningkatkan kesedaran dan kefahaman pembayar cukai.

Seiring dengan agenda pendigitalan negara yang semakin diperkukuh, HASiL turut memberi penekanan terhadap sokongan kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) sebagai tunjang utama ekonomi Malaysia, sekali gus menjadi pemacu kepada peningkatan daya saing sektor ini. Bagi memastikan pelaksanaan e-Invois berjalan dengan lancar dalam kalangan PMKS, Kerajaan melalui Siaran Media Kementerian Kewangan bertarikh **20 April 2026** bersetuju untuk memberikan tempoh kelonggaran tambahan kepada pembayar cukai yang terlibat dalam Fasa 4, yang telah bermula pada 1 Januari 2026, iaitu **selama 24 bulan** berbanding 12 bulan yang ditetapkan sebelum ini. Sepanjang tempoh peralihan tersebut, **dari 1 Januari 2026 hingga 31 Disember 2027**, pembayar cukai dibenarkan mengeluarkan e-Invois disatukan bagi semua aktiviti dan transaksi secara bulanan. Dalam tempoh ini juga, HASiL tidak akan mengenakan penalti ke atas sebarang ketidakpatuhan terhadap keperluan e-Invois, dengan syarat pembayar cukai mematuhi pengeluaran e-Invois disatukan.

Sebarang pertanyaan serta khidmat nasihat, pembayar cukai boleh menghubungi HASiL melalui saluran khas e-Invois seperti yang berikut:

- a. Berkunjung ke Pejabat HASiL;
- b. Meja Bantuan e-Invois HASiL di talian 03-8682 8000 (talian 24 jam);
- c. MyInvois *Live Chat*;
- d. E-mel [myinvois@hasil.gov.my](mailto:myinvois@hasil.gov.my) bagi pertanyaan umum e-Invois; dan
- e. Borang Maklum Balas Pelanggan MyInvois di pautan <https://feedback.myinvois.hasil.gov.my>.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**

MEMACU EKOSISTEM  
**CUKAPINTAR**

---

**Dikeluarkan oleh:**

**Jabatan Khidmat Korporat**

**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 27 April 2026**